

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

| | |
|---|-----------------|
| TAJUK : BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER | |
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 1/2 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|-----|--------------------------------------|---|--|
| 2. | Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer | <p><u>TAKRIFAN</u> Tuntutan bagi bayaran pakaian panas bilik komputer oleh Operator Komputer, Operator Mesin Prosesan Data, Juruteknik Komputer dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20^o Celcius.</p> <p>1.0 Pastikan tuntutan disediakan bersama dengan dokumen sokongan berikut:</p> <p>1.1 Borang Permohonan Tuntutan;</p> <p>1.2 Resit asal pembelian pakaian panas;</p> <p>1.3 Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Pegawai; dan</p> <p>1.4 Salinan penyata bank/maklumat akaun bank.</p> <p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima;</p> | <p>Surat Kelulusan JPA(S)(BGE)63/38/2 Klt.2(22) Bertarikh 01.12.2005 (Rujuk Lampiran 1)</p> <p>Lampiran A</p> <p>Arahan Perbendaharaan 58(a)</p> |

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

| | |
|---|-----------------|
| TAJUK : BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER | |
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 2/2 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|-----|--------------------------------------|--|---|
| | Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer | <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi;</p> <p>2.3 Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Semak kelayakan pegawai dan kadar seperti berikut:</p> <p>3.1 Kadar Elaun Pakaian Panas Bilik Komputer adalah sebanyak RM150.00 sehelai untuk setiap tiga (3) tahun.</p> <p>4.0 Pastikan kod objek yang digunakan adalah:</p> <p>Faedah Kewangan Kakitangan Awam</p> <p>B0115199 : Pelbagai Pemberian termasuk Elaun Perkakasan</p> | <p>Surat Kelulusan JPA(S)(BGE)63/38/2 Klt.2(22) Bertarikh 01.12.2005 (Rujuk Lampiran 1)</p> <p>SPANM Bil. 10 Tahun 2017</p> |



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN GALI DAN LELAK
Angka 4-D, B94-472, Peta 21 E
Pusat Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 63-63611001
Faks: 63-63611000
E-mel: info@jpa.gov.my
1999

Ruj. Kami : JPA(S)(BGE)63/38/2 Klt.2(22)

Tarikh : 1 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

① PEMANJANGAN BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER KEPADA JURUTEKNIK KOMPUTER DAN PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT YANG BERTUGAS SECARA SEPENUH MASA DI BILIK KOMPUTER YANG SENTIASA DISELENGGARAKAN DI BAWAH SUHU 20° CELCIUS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Setelah dikaji dengan teliti, Kerajaan telah **bersetuju** supaya Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer yang sedang dinikmati oleh Operator Komputer dan Operator Mesin Prosesan Data **dipanjangkan** kepada Juruteknik Komputer dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20° Celcius.

3. Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer ini boleh dibuat **tertakluk** kepada syarat-syarat dan kadar berikut:

3.1. Syarat-syarat Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer:

- i. Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer diberikan kepada Operator Komputer (Khas Untuk Penyandang), Operator Mesin Prosesan Data, Juruteknik Komputer dan Penolong Pegawai

Sistem Maklumat yang bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20° Celcius;

- ii. Tuntutan bayaran balik Pakaian Panas Bilik Komputer hendaklah dengan mengemukakan resit;
- iii. Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan;
- iv. Pegawai Pengawal hendaklah menguruskan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer ini mengikut tatacara kewangan dan prosedur perolehan yang berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

3.2. Kadar Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer:

- i. Had tuntutan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer adalah sebanyak **RM150.00 sehelai** untuk setiap tiga (3) tahun.

4. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat-syarat dan kadar Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer di atas dipatuhi. Tarikh kuat kuasa kelulusan pemanjangan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer ini adalah mulai **1 Disember 2005**. Selaras dengan kelulusan ini, diharapkan pegawai yang terlibat akan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(PUAN SRI ZAITON BINTI MHAD ALI)
Pegarah Bahagian Gaji dan Elaun
b. p. Ketua Pegarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ 03-88854003
✉ zaitonm@pa.gov.my

s. k. :

LAMPIRAN A

PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN PAKAIAN PANAS BILIK KOMPUTER

(Kemudahan ini layak dituntut setiap tiga (3) tahun sekali)

BAHAGIAN A : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

1. Nama Pemohon : _____
2. No. Kad Pengenalan : _____
3. No. Gaji : _____
4. Jawatan / Gred : _____
5. Bahagian / Unit : _____
6. Jumlah Tuntutan : _____
7. Pernah dibayar Kemudahan Pakaian Panas Bilik Komputer dalam tempoh tiga (3) tahun?

Ya

Tidak

Jika pernah, nyatakan tarikh terakhir dan amaun kemudahan diluluskan:

Tarikh : _____

Amaun : _____

Saya mengaku bahawa butir-butir permohonan di atas adalah benar dan teratur.

.....

(Tandatangan Pemohon)

Nama

Tarikh : _____

BAHAGIAN C : SOKONGAN & ULASAN KETUA PENGARAH / BAHAGIAN / SEKSYEN

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas bertugas secara sepenuh masa di Bilik Komputer yang sentiasa diselenggarakan di bawah suhu 20° Celcius.

.....

(Tandatangan Ketua Pengarah/Bahagian/Seksyen)

Cop Rasmi Jawatan

Tarikh : _____

BAHAGIAN D : ULASAN DAN SYOR BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Disahkan bahawa pegawai ini **PERNAH / TIDAK PERNAH** * mendapat Kemudahan Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer sejak tiga (3) tahun kebelakangan.

Tarikh terakhir pegawai mendapat kemudahan ini adalah pada : _____

Pegawai ini **LAYAK / TIDAK LAYAK** * dibayar kemudahan Pakaian Panas Bilik Komputer sebanyak : _____

.....

(Tandatangan Ketua Bahagian)

Cop Rasmi Jawatan

Tarikh : _____

BAHAGIAN E : KELULUSAN PEGAWAI PENGAWAL

Permohonan ini **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN** *.

.....

(Tandatangan Pegawai Pengawal)

Cop Rasmi Jawatan

Tarikh : _____

**Potong mana yang tidak berkenaan*

Sila sertakan Resit **ASAL** pembelian pakaian panas.